

KENYATAAN TAWARAN



KUARI TRENGGANU TENGAH SDN BHD

NO.TENDER : KTTSB/SI/2020-01

1. Tawaran ini dipelawa kepada Pembeli/Penjual barang lusuh/besi buruk berstatus warganegara Malaysia yang berminat untuk **MEMBELI BESI BURUK TERPAKAI** yang telah dilupuskan di **KUARI TRENGGANU TENGAH SDN. BHD.** dan mempunyai lesen berniaga **BARANG LUSUH** dalam bidang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP
1	Menjual Besi Buruk Terpakai di Kuari Trengganu Tengah Sdn. Bhd.	221902	Tarikh : 3 Disember 2020 (Khamis) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Kuari Trengganu Tengah Sdn. Bhd. lot M1365, HS(D) 349 Mukim Hulu Chukai, Batu 9, Kampung Ibok, 24200 Kemaman, Terengganu. <i>*Diwajibkan</i>	10 Disember 2020 (Khamis) 12.30 Tengahari

2. Salinan **Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)** dan **Lesen Bagi Berniaga Barangan Lusuh** yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia yang masih sah tempohnya hendaklah dikemukakan bersekali dengan profile syarikat semasa penyerahan dokumen tawaran tersebut.
3. Borang sebutharga hanya akan dikeluarkan pada hari lawatan tapak. Pihak syarikat tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran daripada mana-mana individu. Harga tawaran hendaklah sah dalam tempoh 60 hari dari tarikh lawatan tapak. Borang sebutharga yang telah dilengkapi hendaklah diisi dalam sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** di alamat berikut:-

Ketua Pegawai Eksekutif
Kuari Trengganu Tengah Sdn. Bhd.
Bangunan Kefengah Holding Sdn. Bhd,
Lot 70029, Jalan Sultan Sultan Zainal Abidin 3,
Bandar Al-Muktafi Billah Shah,
23400 Dungun Terengganu.
No. Tel : 09-8223800
(U.P : URUSETIA PELUPUSAN)


4. Syarat – syarat dan peraturan sebutharga adalah sebagaimana berikut:
 - i. Lawatan tapak adalah diwajibkan. Penyebutharga yang tidak menghadiri lawatan tapak tidak akan dinilai.
 - ii. Sebutharga hendaklah termasuk membekal tenaga kerja, peralatan dan lain-lain yang berkaitan.

- iii. Simpanan besi buruk/barang lusuh dianggarkan sebanyak **25MT**. Penyebutharga dikehendaki mengambil kesemua besi buruk atau barangan lusuh dengan kelulusan pihak Kuari.
- iv. Kuantiti barangan lusuh adalah mengikut timbangan pihak Kuari (Weight Bridge) dan disahkan pengeluarannya oleh pihak Kuari.
- v. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaan semasa dilihat (as is where is basic).
- vi. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membayar **Wang Amanah (Deposit) sebanyak RM 20,000.00** dalam **bentuk Draf Bank** di atas nama **Kuari Trengganu Tengah Sdn. Bhd.** dalam tempoh 14 Hari selepas tarikh surat tawaran.
- vii. Setiap pengambilan adalah dibayar terlebih dahulu sebelum pengambilan yang seterusnya dibawa keluar dari kawasan Kuari. Urusniaga bermula **jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang**.
- viii. Penyebutharga yang berjaya dikehendaki mengambil dan mengeluarkan aset tersebut dalam masa **enam (6) minggu** dari tarikh surat tawaran dibuat.
- ix. Segala kos keselamatan bagi kerja-kerja pengambilan, pematongan serta penghantaran adalah tanggungjawab kontraktor sendiri.
- x. Penyebutharga hendaklah memastikan tempat bagi kerja-kerja pengambilan barang lusuh tersebut bersih dan kemas selepas kerja-kerja tersebut dijalankan.
- xi. Kerja-kerja pematongan mestilah mendapat kebenaran dan pengesahan daripada pihak pengurusan Kuari.
- xii. Pegawai dan Kakitangan Kuari Trengganu Tengah Sdn. Bhd. adalah **tidak dibenarkan** untuk menyertai sebutharga ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan Amanah,



(CHE WAN ABDILLAH BIN CHE WAN MAT AMIN)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Kumpulan KHSB

Tarikh : 22 November 2020

s,k Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KHSB
Ketua Pegawai Eksekutif KITSB